

Perbendaharaan mesti jadi contoh terbaik

B.H - 15/12/2006

Kelewatan keputusan boleh jejas kementerian lain: PM

Oleh Kadir Dikoh

PUTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi mahu Kementerian Kewangan menjadi 'penentu rentak' sebagai tanda aras untuk menggerak sistem penyampaian perkhidmatan awam dalam usaha memastikan semua program pembangunan berjalan lancar.

Perdana Menteri berkata, Perbendaharaan perlu menjadi contoh terbaik dalam membuat keputusan dengan pantas, kerana sebarang kelewatan atau penangguhan boleh menjejaskan prestasi kementerian atau jabatan lain di negara ini.

"Kebolehan kita menunjukkan prestasi yang baik tentu akan men-

“Kebolehan kita menunjukkan prestasi menjadikan Perbendaharaan sebagai penentu rentak. Kita perlu cepat buat keputusan dan jawapan”

Abdullah Ahmad Badawi
Perdana Menteri

jadikan Perbendaharaan sebagai penentu rentak. Kita perlu cepat membuat keputusan dan memberi jawapan serta tidak bertangguh.

"Jika kita cepat bekerja, ia akan meningkatkan kepantasan kerja yang dijalankan di semua tempat lain kerana tiada perkara yang tersangkut atau terlewat pada peringkat Perbendaharaan.

"Jadi kita sama-sama perlu lihat perkara ini kerana ia dapat membantu menyelesaikan banyak masalah pada peringkat kementerian atau jabatan lain terutama apabila mereka mahu sesuatu keputusan dari Perbendaharaan," katanya.

Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata demikian pada maj-

lis penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2005 dan Sijil Persaraan Perbendaharaan 2006, di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Kewangan Kedua, Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Pada majlis itu, seramai 133 kakitangan menerima anugerah khidmat cemerlang Perbendaharaan 2005 manakala 30 kakitangan pula bersara wajib dengan 11 orang bersara pilihan.

Abdullah berkata, Kementerian Kewangan adalah antara agensi di barisan paling hadapan yang amat penting kerana menjadi tumpuan termasuk bagi mendapatkan peruntukan kewangan oleh agensi lain.